

28 JAN 2001

Umno-Hishammuddin

SEGALANYA MUNGKIN DALAM POLITIK, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussien tidak menolak kemungkinan PAS menyertai gabungan dalam Barisan Nasional (BN) kelak walaupun nyata ditolak oleh parti pembangkang itu.

"Politik adalah seni kepada segala kemungkinan. Apa sahaja boleh berlaku. Pemimpin tertinggi parti boleh menolak cadangan itu sekarang tetapi boleh bertukar fikiran," katanya di sini hari ini.

Malah, menurutnya ada cakap-cakap di peringkat akar umbi mengenai PAS menyertai BN dan penolakan oleh PAS merupakan pendirian seorang sahaja (Menteri Besar Kelantan yang juga mursyidur am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat).

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Cabaran Dunia Go-Kart Rotax Max, peringkat akhir yang akan berlangsung di Langkawi tahun depan, beliau berkata keputusan cadangan perbincangan mengenai penyatuan Melayu antara Umno dan PAS boleh memberi gambaran jelas mengenai parti pembangkang itu.

Awal minggu ini, presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti itu tidak ada halangan jika PAS mahu menyertai BN.

Ketika bercakap kepada pemberita di Jitra, Kedah selepas menghadiri majlis Hari Raya anjuran Pemuda Umno Kubang Pasu, Khamis lepas, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata parti itu bersedia menerima mana-mana parti termasuk PAS dalam gabungan itu.

Semalam, timbalan presiden PAS, Abdul Hadi Awang berkata PAS tidak berhasrat menyertai BN dan gembira berada dalam barisan pembangkang.

Mengenai perbincangan penyatuan Umno-PAS, Hishammuddin berkata setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan setiausaha agung PAS Nasaruddin Mat Isa akan menetapkan agena untuk perbincangan itu.

Mengenai pelantikan dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen yang baru, Hishammuddin berkata Pemuda Umno tidak mempunyai bantahan kepada perubahan kecil dalam Kabinet itu.

"Saya yakin akan ada peluang lain bagi kita dan pemimpin utama melantik muka-muka baru dalam Kabinet kelak," katanya.

-- BERNAMA

DC ZS LAT